

Headline	KOTA TINGGI LUMPUH		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	1,2
ArticleSize	1137 cm ²	Journalist	MASTURAH SURADI
PR Value	RM 88,521		



KOTA TINGGI LUMPUH

Beberapa daerah di Johor hanya boleh diakses menggunakan bot ekoran banjir



Oleh MASTURAH SURADI dan ADNAN IBRAHIM

KOTA TINGGI – Air naik mendadak berpunca daripada pertembungan banjir dan fenomena air pasang penuh sejak kelmarin menyebabkan pusat bandar daerah ini tenggelam hingga mengakibatkan segala aktiviti harian lumpuh ekoran hanya boleh diakses menggunakan bot.

Air naik setinggi antara 0.6 hingga 1.5 meter bermula pada pukul 9 malam hingga menyebabkan semua jalan tidak boleh dilalui seperti Jalan Semanggar, Jalan Tun Sri Lanang, Jalan Indah, Jalan Jaafar, Jalan Niaga Utama, Jalan Johor dan Jalan Tambatan.

Laluan bandar ditenggelami air

IBEGINILAH keadaan pusat bandar Kota Tinggi yang tenggelam selepas dinaiki air setinggi 1.5 meter ekoran hujan lebat sejak kelmarin. – MASTURAH SURADI

• BERSAMBUNG DI MUKA 2

Headline	KOTA TINGGI LUMPUH		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	1,2
ArticleSize	1137 cm ²	Journalist	MASTURAH SURADI
PR Value	RM 88,521		

Kota Tinggi lumpuh

DARI MUKA 1

Kedadaan itu menyebabkan sebahagian besar pejabat, pusat perniagaan dan premis pendidikan tidak dapat dilalui hingga menyebabkan kerugian kepada peniaga, manakala pelajar tidak dapat ke sekolah.

Ekoran itu, Tenaga Nasional Berhad memaklumkan bekalan elektrik di 25 kawasan di sini ditutup bagi keselamatan penduduk.

Tinjauan mendapati, jalan ditenggelami air sejauh 650 meter di Jalan Tun Sri Lanang, manakala deretan kedai di kawasan bandar tenggelam separuh tingkat.

Sekolah Menengah Jalan Tun Habab, Sekolah Agama Bandar dan Sekolah Kebangsaan Bandar turut dinaiki air.

Walaupun keadaan cuaca cerah dengan kehadiran matahari sejak pagi semalam, namun awan mendung masih ada di beberapa lokasi dengan sebahagian hujan renyal-renyal.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Hussin Zamora menasihatkan orang ramai supaya tidak ke pusat bandar.

Katanya, air dijangka meningkat sehingga paras tiga meter di kawasan rendah dan semua jalan hanya boleh dilalui oleh bot penyelamat.

"Guna jalan alternatif untuk keluar daripada Bandar Kota Tinggi ke kawasan Mersing ataupun Johor Bahru.

"Antaranya Jalan Johor Bahru-Kota Tinggi, Jalan Kota Tinggi-Mersing melalui Bypass dan Jalan simpang lampu isyarat Pasak ke Bandar Penawar untuk ke Johor Bahru," katanya.

Menurut Hussin, pihaknya menyelamatkan 112 orang yang terperangkap sejak air naik



SEBUAH pusat komersial tidak dapat diakses ekoran air naik sedalam 1.5 meter yang melumpuhkan pusat bandar Kota Tinggi semalam.

mendadak pada pukul 9 malam hingga 4 pagi semalam.

"Kita berdepan kesukaran pada awalnya kerana mangsa enggan berpindah kerana mereka menyangka banjir hanya sekejap dan tidak berbahaya.

"Tetapi selepas dipujuk mereka berubah fikiran sebelum dikeluarkan dan dibawa ke pusat pemindahan sementara (PPS)," katanya.

Dalam pada itu, seorang wan-

ita, Noordiyana Zakaria, 33, berkata, dia dan keluarga terpaksa bergelap sebaik air naik ke dalam rumah di Taman Kemang di sini.

"Air penuh di tingkat bawah memaksa saya bersama anak berusia lima tahun, ibu dan kakak duduk di tingkat atas.

"Bila sudah malam, air naik lebih satu meter. Saya kemudian hubungi pihak berkuasa untuk diselamatkan," katanya.

Ahmad Sujang, 71, pula ber-

kata, banjir kali ini lebih deras berbanding Mac tahun lalu.

"Air naik terlalu cepat, bermula petang semalam (kelmarin). Dalam tempoh masa tiga jam sahaja air sudah masuk ke dalam rumah," katanya.

Di Kluang, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri Johor, Khairin Nisa Ismail berkata, mangsa banjir di PPS perlu mendapatkan kebenaran

sekiranya ingin pulang ke rumah masing-masing.

Katanya, kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah itu perlu supaya tidak berlaku kerja dua kali selain dibimbangi akan menjejaskan keselamatan.

"Kalau ingin pulang, kena lihat cuaca dan saya minta semua mangsa bersabar dan tunggu arahan," katanya ketika melawat mangsa banjir di PPS di Renggam.